

GARIS PANDUAN BAGI DEFINISI BAHARU PKS

**Disediakan oleh:
SME Corp. Malaysia
Sekretariat bagi Majlis Pembangunan PKS
Kebangsaan**

Oktober 2013

1. Latar Belakang

Sejak tahun 2005, satu definisi seragam yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK)¹ telah diguna pakai oleh semua Kementerian dan agensi, institusi kewangan dan pengawal selia yang terlibat dalam program pembangunan PKS. Definisi adalah seperti berikut:

- **Industri pembuatan (termasuk industri berasaskan pertanian), Perkhidmatan berkaitan Pembuatan (MRS):** Jumlah jualan tahunan kurang daripada **RM25 juta** ATAU pekerja sepenuh masa kurang daripada **150** orang
- **Pertanian asas dan Perkhidmatan (termasuk ICT):** Jumlah jualan tahunan kurang daripada **RM5 juta** ATAU pekerja sepenuh masa kurang daripada **50** orang

2. Definisi Baharu PKS

Memandangkan terdapat pelbagai perubahan dalam ekonomi seperti inflasi harga, perubahan struktur ekonomi dan perubahan trend perniagaan sejak tahun 2005, satu kajian semula definisi telah dilakukan pada tahun 2013. Mesyuarat MPPK ke-14 pada bulan Julai 2013 telah meluluskan definisi baharu PKS yang telah dipermudah seperti berikut:

- **Pembuatan:** Jualan tahunan tidak melebihi **RM50 juta** ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi **200 orang**
- **Perkhidmatan dan lain sektor:** Jualan tahunan tidak melebihi **RM20 juta** ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi **75 orang**

Sesebuah perniagaan boleh diklasifikasikan sebagai PKS jika memenuhi **salah satu daripada dua kriteria** iaitu jualan tahunan atau bilangan pekerja sepenuh masa, **mana-mana yang lebih rendah**.

Butiran terperinci bagi definisi baharu PKS adalah seperti berikut:

2.1 Definisi berdasarkan Saiz Operasi

- **Perusahaan mikro merentasi semua sektor:** Jualan tahunan kurang daripada RM300,000 ATAU bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang.
- **Jadual 1 di mukasurat 2 merumuskan definisi untuk kategori kecil dan sederhana** berdasarkan sektor masing-masing.

¹ MPPK yang bertindak sebagai pihak berkuasa tertinggi dalam merangka dasar pembangunan PKS kebangsaan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dengan ahli daripada 16 Kementerian dan agensi utama.

Jadual 1: Definisi berdasarkan saiz operasi

Kategori	Kecil	Sederhana
Pembuatan	Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta <u>ATAU</u> daripada 5 hingga kurang daripada 75 pekerja	Jualan tahunan daripada RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta <u>ATAU</u> daripada 75 hingga tidak melebihi 200 pekerja
Perkhidmatan dan Sektor Lain	Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta <u>ATAU</u> daripada 5 hingga kurang daripada 30 pekerja	Jualan tahunan daripada RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta <u>ATAU</u> daripada 30 hingga tidak melebihi 75 pekerja

- **Jika sesebuah perniagaan memenuhi salah satu kriteria merentasi saiz operasi yang berbeza, maka saiz yang lebih kecil akan diguna pakai.** Sebagai contoh, jika jualan tahunan sesebuah firma berada di bawah kategori perusahaan mikro tetapi bilangan pekerja terletak di bawah kategori perusahaan kecil, perniagaan tersebut akan diklasifikasikan sebagai perusahaan mikro.

2.2 Klasifikasi mengikut Sektor

- **‘Pembuatan’** merujuk kepada transformasi bahan atau komponen secara fizikal atau kimia yang membentuk produk baharu.
- **‘Perkhidmatan’** merujuk kepada semua jenis perkhidmatan termasuk perdagangan edaran; hotel dan restoran; perniagaan, professional dan perkhidmatan ICT; pendidikan swasta dan kesihatan; hiburan; perantaraan kewangan; dan perkhidmatan berkaitan pembuatan seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D), logistik, pergudangan, kejuruteraan d.l.l.
- **‘Lain-lain’** merujuk kepada baki 3 aktiviti ekonomi utama, iaitu:
 - Pertanian Asas**
 - Tanaman kekal (cth. getah, minyak sawit, koko, lada d.l.l.) dan tanaman kontan (cth. sayur-sayuran, buah-buahan d.l.l.)
 - Penternakan
 - Perhutanan & pembalakan
 - Perikanan laut
 - Akuakultur
 - Pembinaan**
 - Infrastruktur
 - Kediaman & bukan kediaman
 - Perdagangan khas
 - Perlombongan & Pengkuarian**

Klasifikasi aktiviti ekonomi bagi tujuan definisi akan berdasarkan kepada Piawai Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 seperti dalam **Lampiran 1**. Ini adalah untuk membolehkan perbandingan data dari pelbagai sumber dan bagi memudahkan penyelarasan data merentasi pelbagai pembekal statistik PKS. Walau bagaimanapun, senarai aktiviti adalah tidak menyeluruh tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

2.3 Kriteria Kelayakan

- Jualan tahunan merujuk kepada **jumlah pendapatan** termasuk pendapatan lain.
- **Pekerja sepenuh masa** termasuk semua pekerja bergaji yang bekerja sekurang-kurangnya **6 jam sehari** dan **20 hari sebulan**, atau sekurang-kurangnya **120 jam sebulan**. Pekerja sepenuh masa juga termasuk pekerja asing dan kontrak. Walau bagaimanapun, definisi ini tidak termasuk pemilik perniagaan, rakan niaga yang aktif dan ahli keluarga yang tidak dibayar atau rakan-rakan yang bekerja dalam perniagaan dan tidak menerima upah yang tetap.
- **Asas 'ATAU'** bermaksud perniagaan hanya perlu memenuhi **salah satu daripada dua kriteria** yang digunakan dalam definisi (mana-mana yang lebih rendah).
- Jika sesebuah perniagaan **melebihi paras ambang** yang ditetapkan di bawah kedua-dua kriteria bagi **2 tahun berturut-turut** (berdasarkan tahun kewangan / tempoh perakaunan), maka ia **tidak boleh lagi dianggap sebagai PKS**. Bagi perniagaan yang sebelum ini bersaiz besar juga boleh dianggap sebagai PKS jika ia memenuhi kriteria kelayakan selama **2 tahun berturut-turut**.
- Bagi tujuan pengumpulan statistik, semua entiti perniagaan termasuk perniagaan asing yang memenuhi definisi PKS akan **diklasifikasikan sebagai PKS**.

3. Skop PKS

Selain daripada kriteria kelayakan iaitu jualan tahunan dan bilangan pekerja sepenuh masa, terdapat beberapa syarat lain yang perlu dipatuhi untuk diklasifikasikan sebagai PKS:

3.1 Jenis Pertubuhan

PKS merujuk kepada hanya entiti perniagaan tulen yang berdaftar dengan badan berikut:

- (i) **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** sama ada di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan (1956) atau Akta Pendaftaran Syarikat (1965) atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (2012); atau
- (ii) **Pihak berkuasa** atau pejabat daerah di **Sabah dan Sarawak**; atau
- (iii) **Badan berkanun** bagi **pembekal perkhidmatan profesional**.


3.2 Struktur Pemegang Saham

- (i) Syarikat **tersenarai awam tetapi berada di papan kedua** seperti pasaran ACE, *Malaysia Online Trading Platform for Unlisted Market (MyULM)* atau di pasaran kedua / *SME exchanges* / pasaran tidak tersenarai di negara lain akan dianggap sebagai PKS selagi mana mereka memenuhi kriteria kelayakan.
- (ii) **Subsidiari firma di bawah (i)** akan turut dianggap sebagai PKS selagi mana mereka memenuhi kriteria kelayakan.

Subsidiari merujuk kepada entiti di bawah **kawalan syarikat induk** sama ada melalui:

- **Ahli lembaga pengarah**; atau
- **Mempunyai lebih daripada 50% kuasa mengundi/ modal saham** (tidak termasuk saham keutamaan); atau
- **Secara tidak langsung** melalui entiti lain yang merupakan subsidiari yang dimiliki oleh syarikat induk (subsidiari dua lapisan). Bagi tujuan ini, syarat-syarat di (i) dan (ii) akan diguna pakai (rujuk kepada ilustrasi 1.1).

Ilustrasi 1.1



Syarat tersebut juga merupakan pra-syarat bagi kelayakan menyertai program bantuan Kerajaan. Adalah dicadangkan supaya **pemilikan ekuiti tempatan lebih daripada 50%** dikenakan bergantung kepada objektif program, untuk layak menerima bantuan Kerajaan.

4. Pengecualian

Perniagaan yang berikut **tidak layak bagi menerima bantuan program Kerajaan** walaupun mereka memenuhi definisi PKS:

- 4.1 **Syarikat tersenarai awam yang berada di papan utama** seperti Bursa Malaysia atau bursa di negara lain.
- 4.2 **Subsidiari bagi entiti berikut:**
 - (i) Syarikat tersenarai awam yang berada di papan utama.
 - (ii) Firma besar, syarikat multinasional (MNCs), Syarikat berkaitan kerajaan (GLCs), Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKDs) dan perusahaan milik Kerajaan Negeri.

Dalam kes ini, jika syarikat induk dalam Ilustrasi 1.1 jatuh di bawah (i) dan (ii), maka subsidiarinya (A dan B) dan peringkat subsidiari seterusnya (A_1 dan B_1) tidak layak untuk mendapatkan bantuan.

5. Guna Pakai Definisi PKS

- 5.1 Definisi baharu PKS akan diguna pakai oleh **semua pihak berkepentingan** yang melaksanakan inisiatif PKS. Ini termasuk Kementerian dan agensi² di peringkat Persekutuan dan Negeri (termasuk badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan), pengawal selia serta institusi kewangan.
- 5.2 Ini adalah untuk **mengenal pasti status kelayakan** bagi program pembangunan PKS, penggubalan dasar PKS serta pengumpulan data PKS. Walau bagaimanapun, kriteria kelayakan tambahan boleh dikenakan oleh institusi pelaksana bergantung kepada skop dan matlamat program pembangunan PKS.
- 5.3 Bagi tujuan pengumpulan data, Kementerian, Agensi Kerajaan dan institusi kewangan yang berkaitan perlu mengekalkan **data syarikat dan perniagaan berdasarkan kedua-dua kriteria** iaitu jualan tahunan dan bilangan pekerja sepenuh masa. Jika pihak yang berkepentingan tidak dapat mengumpul atau mengekalkan kedua-dua data ini maka mereka perlu memaklumkan Sekretariat.
- 5.4 Semua pihak berkepentingan yang terlibat dalam program pembangunan PKS perlu **menyelaraskan prosedur pengumpulan data** berdasarkan saiz dan klasifikasi sektor tersebut. Ini adalah bagi membolehkan perbandingan data merentasi institusi dan mewujudkan data yang berguna

² Pada ketika ini, bagi insentif di bawah Lembaga Kemajuan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan cukai korporat di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), definisi PKS akan berdasarkan Akta masing-masing.

untuk lebih memahami status, isu dan keperluan pembangunan PKS dalam semua sektor.

6. Tarikh Kuat Kuasa

Definisi baharu ini berkuat kuasa bermula **1 Januari 2014**. Ini bermaksud kelayakan bagi program pembangunan PKS dan pengumpulan data PKS bermula tahun 2014 akan mengikut definisi ini. Semua data yang dikumpulkan sebelum tahun 2014 akan kekal dan tidak akan terjejas dengan definisi baharu.

7. Soalan Lazim (FAQ)

Sila rujuk **Lampiran 2**.

Bahagian Ekonomi dan Perancangan Dasar
SME Corporation Malaysia

Aktiviti Ekonomi di Semua Sektor
(Berdasarkan kepada bahagian dan keterangan
Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2008)

<p>Pertanian Utama</p> <p>A. PERTANIAN, PERHUTANAN DAN PERIKANAN</p> <p>01 Pengeluaran tanaman dan ternakan, pemburuan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan 011 Penanaman tanaman tidak kekal 012 Penanaman tanaman kekal 013 Pembiakan tumbuhan 014 Pengeluaran ternakan 015 Pertanian campuran 016 Aktiviti sokongan untuk pertanian dan aktiviti selepas tuaian 017 Perburuan, penjeratan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan</p> <p>02 Perhutanan dan pembalakan 021 Silvikultur dan aktiviti perhutanan lain 022 Pembalakan 023 Pengumpulan produk hasil hutan bukan kayu 024 Perkhidmatan sokongan perhutanan</p> <p>03 Perikanan dan akuakultur 031 Perikanan 032 Akuakultur</p> <p>Perlombongan & Pengkuarian</p> <p>B. PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN</p> <p>05 Perlombongan batu arang dan lignit 051 Perlombongan batu arang pepejal 052 Perlombongan lignit</p> <p>06 Pengekstrakan petroleum mentah dan gas asli 061 Pengekstrakan petroleum mentah 062 Pengekstrakan gas asli</p> <p>07 Perlombongan bijih besi 071 Perlombongan bijih logam 072 Perlombongan bijih logam bukan besi</p> <p>08 Perlombongan dan pengkuarian lain 081 Pengkuarian batu, pasir dan tanah liat 089 Perlombongan dan pengkuarian t.t.t.l.</p> <p>09 Aktiviti perkhidmatan sokongan perlombongan 091 Aktiviti sokongan untuk pengekstrakan petroleum dan gas asli 099 Aktiviti sokongan untuk perlombongan dan pengkuarian lain</p> <p>Pembuatan</p> <p>C. PEMBUATAN</p> <p>10 Pembuatan produk makanan 101 Pemprosesan dan pengawetan daging 102 Pemprosesan dan pengawetan ikan, krustasea dan moluska 103 Pemprosesan dan pengawetan buah-buahan dan sayur-sayuran 104 Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan 105 Pembuatan produk tenusu 106 Pembuatan produk bijian, kanji dan produk berkanji 107 Pembuatan produk makanan lain 108 Pembuatan makanan haiwan tersedia</p> <p>11 Pembuatan minuman 110 Pembuatan minuman ringan</p> <p>12 Pembuatan produk tembakau 120 Pembuatan produk tembakau</p>	<p>Pembuatan</p> <p>13 Pembuatan tekstil 131 Pemintalan, penenunan dan penyiapan tekstil 139 Pembuatan tekstil lain</p> <p>14 Pembuatan pakaian 141 Pembuatan pakaian, kecuali pakaian berbulu 142 Pembuatan artikel daripada kulit bulu 143 Pembuatan pakaian yang dikait dan dikrusye</p> <p>15 Pembuatan produk kulit dan barangan berkaitan 151 Penyamakan dan pembersihan kulit, pembuatan bagasi, beg tangan, pelana dan abah-abah; pembersihan dan pewarnaan bulu 152 Pembuatan kasut</p> <p>16 Pembuatan kayu dan produk kayu dan gabus, kecuali perabot; pembuatan bagi artikel jerami dan bahan-bahan anyaman 161 Pengilangan dan pengetaman kayu 162 Pembuatan produk daripada kayu, gabus, jerami dan bahan jalinan lain</p> <p>17 Pembuatan kertas dan produk kertas 170 Pembuatan kertas dan produk kertas</p> <p>18 Percetakan dan penerbitan semula media rakaman 181 Percetakan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan perce 182 Penerbitan semula media rakaman</p> <p>19 Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis 191 Pembuatan produk ketuhar kok 192 Pembuatan produk petroleum bertapis</p> <p>20 Pembuatan kimia dan produk kimia 201 Pembuatan kimia asas, baja dan sebatian nitrogen, plastik dan getah sintetik dalam bentuk primer 202 Pembuatan produk kimia lain 203 Pembuatan serat buatan manusia</p> <p>21 Pembuatan produk farmaseutikal asas, kimia perubatan dan botani 210 Pembuatan produk farmaseutikal, kimia perubatan dan botani</p> <p>22 Pembuatan produk getah dan plastik 221 Pembuatan produk getah 222 Pembuatan produk plastik</p> <p>23 Pembuatan produk galian bukan logam lain 231 Pembuatan kaca dan produk kaca 239 Pembuatan pengeluaran galian bukan logam t.t.t.l.</p> <p>24 Pembuatan logam asas 241 Pembuatan besi dan keluli asas 242 Pembuatan logam asas berharga dan logam bukan ferus lain 243 Penuangan logam</p> <p>25 Pembuatan produk logam, kecuali mesin dan kelengkapan 251 Pembuatan produk struktur logam, tangki, takungan dan penjana wap 252 Pembuatan senjata dan peluru 259 Pembuatan produk lain yang direka daripada logam; aktiviti perkhidmatan kerja logam</p>
---	--

Pembuatan

26 Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal

- 261 Pembuatan komponen dan papan elektronik
- 262 Pembuatan komputer dan kelengkapan peranti
- 263 Pembuatan peralatan komunikasi
- 264 Pembuatan peralatan elektronik pengguna
- 265 Pembuatan kelengkapan mengukur, menguji, memandu arah dan kawalan; jam tangan dan jam
- 266 Pembuatan peralatan penyinaran, perubatan elektro & elektroterapeutik
- 267 Pembuatan instrumen optikal dan kelengkapan fotografi
- 268 Pembuatan media magnetik dan optikal

27 Pembuatan kelengkapan elektrik

- 271 Pembuatan motor elektrik, penjana, transformer dan perkakasan pengagihan dan pengawalan elektrik
- 272 Pembuatan bateri dan akumulator
- 273 Pembuatan pendawaian dan peranti pendawaian
- 274 Pembuatan kelengkapan pencahayaan elektrik
- 275 Pembuatan perkakasan domestik
- 279 Pembuatan kelengkapan elektrik lain

28 Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l.

- 281 Pembuatan jentera kegunaan umum
- 282 Pembuatan jentera kegunaan khas

29 Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler

- 291 Pembuatan kenderaan bermotor
- 292 Pembuatan kerangka (coachwork) untuk kenderaan bermotor; pembuatan treler dan semi treler
- 293 Pembuatan alat ganti dan aksesori untuk kenderaan bermotor

30 Pembuatan kelengkapan pengangkutan lain

- 301 Pembinaan kapal dan bot
- 302 Pembuatan lokomotif keretapi dan rolling stock
- 303 Pembuatan kapal angkasa dan udara dan jentera berkaitan
- 304 Pembuatan kenderaan tempur ketenteraan
- 309 Pembuatan kelengkapan pengangkutan t.t.t.l.

31 Pembuatan perabot

- 310 Pembuatan perabot

32 Pembuatan lain

- 321 Pembuatan barang kemas, bijouterie dan artikel berkaitan
- 322 Pembuatan instrumen muzik
- 323 Pembuatan barangan sukan
- 324 Pembuatan permainan dan mainan
- 325 Pembuatan bekalan dan instrumen pergigian dan perubatan
- 329 Pembuatan lain t.t.t.l.

33 Pembaikan dan pemasangan mesin dan kelengkapan

- 331 Pembaikan pemasangan produk logam, jentera dan kelengkapan
- 332 Pemasangan jentera perindustrian dan kelengkapan

Perkhidmatan

D. BEKALAN ELEKTRIK, GAS, WAP DAN PENDINGIN UDARA

35 Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara

- 351 Penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik
- 352 Pembuatan gas; pengagihan bahan api berunsur gas melalui saluran utama
- 353 Bekalan wap dan pendingin udara

E. BEKALAN AIR; PEMBENTUNGAN, PENGURUSAN SISA DAN AKTIVITI PEMULIHAN

36 Penakungan, perawatan dan bekalan air

- 360 Penakungan, perawatan dan bekalan air

37 Pembetulan

- 370 Pembetulan

Perkhidmatan

38 Aktiviti pengumpulan, rawatan dan pelupusan sisa; pemulihan semula bahan

- 381 Pengumpulan sisa
- 382 Rawatan dan pelupusan sisa
- 383 Pemulihan semula bahan

39 Aktiviti pemulihan dan lain-lain perkhidmatan pengurusan sisa

- 390 Aktiviti pemulihan dan lain-lain perkhidmatan pengurusan sisa

F. PEMBINAAN

41 Pembinaan bangunan

- 410 Pembinaan bangunan

42 Kejuruteraan awam

- 421 Pembinaan jalanraya dan landasan keretapi
- 422 Pembinaan projek utiliti
- 429 Pembinaan projek kejuruteraan lain

43 Aktiviti pembinaan pertukangan khas

- 431 Perobohan dan penyediaan tapak
- 432 Aktiviti pemasangan elektrik, paip dan pembinaan lain
- 433 Penyiapan dan kemasan bangunan
- 439 Aktiviti pembinaan pertukangan khas lain

G. PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT; PEMBAIKAN KENDERAAN BERMOTOR DAN MOTORSIKAL

45 Perdagangan borong dan runcit dan pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal

- 451 Jualan kenderaan bermotor
- 452 Penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor
- 453 Jualan komponen alat ganti dan aksesori kenderaan bermotor
- 454 Jualan, penyelenggaraan dan pembaikan motosikal dan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori berkaitan

46 Perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan Motosikal

- 461 Jual borong berdasar kontrak atau yuran
- 462 Jual borong bahan mentah, pertanian dan haiwan hidup
- 463 Jual borong makanan, minuman dan tembakau
- 464 Jual borong barangan isi rumah
- 465 Jual borong jentera, kelengkapan dan bekalan
- 466 Lain-lain pengkhususan jual borong
- 469 Perdagangan jual borong bukan pengkhususan

47 Perdagangan runcit, kecuali kenderaan bermotor dan motosikal

- 471 Jualan runcit di stor bukan pengkhususan
- 472 Jualan runcit makanan, minuman dan tembakau di stor pengkhususan
- 473 Jualan runcit bahan api kenderaan di stor pengkhususan
- 474 Jualan runcit kelengkapan informasi & komunikasi di stor pengkhususan
- 475 Jualan runcit lain-lain peralatan isi rumah di stor pengkhususan
- 476 Jualan runcit barangan kesenian dan rekreasi di stor pengkhususan
- 477 Jualan runcit barangan lain di stor pengkhususan
- 478 Jualan runcit melalui gerai dan pasar
- 479 Perdagangan runcit bukan di kedai, gerai atau pasar

H. PENGANGKUTAN & PEMYIMPANAN

49 Pengangkutan darat dan pengangkutan melalui saluran paip

- 491 Pengangkutan melalui laluan rel
- 492 Pengangkutan darat lain
- 493 Pengangkutan melalui saluran paip

50 Pengangkutan air

- 501 Pengangkutan air laut dan pesisir pantai
- 502 Pengangkutan air pedalaman

51 Pengangkutan udara

511 Pengangkutan penumpang udara
512 Pengangkutan muatan udara

52 Penggudangan dan aktiviti sokongan untuk pengangkutan

521 Penggudangan dan penyimpanan
522 Aktiviti sokongan untuk pengangkutan

53 Perkhidmatan pos dan kurier

531 Aktiviti pos
532 Aktiviti kurier

I. PENGINAPAN & AKTIVITI PERKHIDMATAN MAKANAN DAN MINUMAN**55 Penginapan**

551 Aktiviti penginapan jangka masa pendek
552 Tapak perkhemahan, taman kenderaan rekreasi dan taman treler
559 Penginapan lain

56 Aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman

561 Restoran dan aktiviti perkhidmatan makanan bergerak
562 Katering dan aktiviti perkhidmatan makanan lain
563 Aktiviti perkhidmatan minuman

J. MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI**58 Aktiviti penerbitan**

581 Aktiviti penerbitan buku, terbitan berkala dan penerbitan lain
582 Penerbitan perisian

59 Aktiviti penerbitan wayang gambar, video dan program televisyen, rakaman bunyi dan penerbitan muzik

591 Aktiviti wayang gambar, video dan program televisyen
592 Aktiviti rakaman bunyi dan penerbitan muzik

60 Aktiviti pemrograman dan penyiaran

601 Penyiaran radio
602 Aktiviti pemrograman dan penyiaran televisyen

61 Telekomunikasi

611 Aktiviti komunikasi berwayar
612 Aktiviti telekomunikasi tanpa wayar
613 Aktiviti telekomunikasi satelit
619 Aktiviti telekomunikasi lain

62 Pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti yang berkaitan

620 Pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti berkaitan

63 Aktiviti perkhidmatan maklumat

631 Aktiviti proses data, hosting dan aktiviti lain yang berkaitan; web portal
639 Aktiviti perkhidmatan maklumat lain

K. AKTIVITI KEWANGAN DAN INSURANS/TAKAFUL**64 Aktiviti perkhidmatan kewangan, kecuali insurans/takaful dan tabungan pencen**

641 Perantara kewangan
642 Aktiviti syarikat pemegang
643 Amanah, tabung dan entiti kewangan seumpamanya
649 Aktiviti perkhidmatan kewangan lain, kecuali insurans/takaful dan aktiviti tabungan pencen

65 Insurans/takaful, insurans/takaful semula dan tabungan pencen, kecuali keselamatan sosial berwajib

651 Insurans/Takaful
652 Insurans/Takaful Semula
653 Tabungan pencen dan tabungan hemat

66 Aktiviti sokongan kepada perkhidmatan kewangan dan aktiviti insurans/takaful

661 Aktiviti sokongan kepada aktiviti perkhidmatan kewangan, kecuali insurans/takaful dan tabungan pencen
662 Aktiviti sokongan kepada insurans/takaful dan tabungan pencen
663 Aktiviti pengurusan tabung

L. AKTIVITI HARTANAH**68 Aktiviti hartanah**

681 Aktiviti hartanah bagi harta milikan sendiri atau pajakan
682 Aktiviti hartanah atas dasar bayaran atau kontrak

M. AKTIVITI PROFESIONAL, SAINTIFIK & TEKNIKAL**69 Aktiviti guaman dan perakaunan**

691 Aktiviti guaman
692 Aktiviti perakaunan, simpan kira dan audit; perundingan percukaian

70 Aktiviti ibu pejabat; aktiviti perundingan pengurusan

701 Aktiviti ibu pejabat
702 Aktiviti perundingan pengurusan

71 Aktiviti arkitek dan kejuruteraan; ujian teknikal dan analisis

711 Aktiviti arkitek dan kejuruteraan dan perundingan teknikal yang berkaitan
712 Ujian teknikal dan analisis

72 Penyelidikan dan pembangunan saintifik

721 Penyelidikan dan pembangunan eksperimen sains semula jadi dan kejuruteraan
722 Pembangunan penyelidikan dan eksperimen sains sosial dan kemanusiaan

73 Pengiklanan dan penyelidikan pasaran

731 Pengiklanan
732 Penyelidikan pasaran dan tinjauan pendapat umum

74 Perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal lain

741 Aktiviti mereka bentuk khusus
742 Aktiviti fotografi
749 Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal lain

75 Aktiviti veterinar

750 Aktiviti veterinar

N. AKTIVITI PENTADBIRAN DAN KHIDMAT NASIHAT**77 Aktiviti sewaan dan pajakan**

771 Penyewaan dan pemajakan kenderaan bermotor
772 Penyewaan dan pemajakan barang persendirian dan isi rumah
773 Penyewaan dan pemajakan mesin, kelengkapan dan barang ketara lain
774 Pemajakan harta intelektual dan produk seumpamanya, kecuali kerja berhakcipta

78 Aktiviti pekerjaan

781 Aktiviti agensi penempatan pekerjaan
782 Aktiviti agensi pekerjaan sementara
783 Penyediaan sumber manusia lain

79 Agensi pengembaraan, operator pelancongan, khidmat penempahan dan aktiviti berkaitan

791 Aktiviti agensi pengembaraan dan operator pelancongan
799 Aktiviti khidmat penempahan lain dan aktiviti berkaitan

80 Aktiviti keselamatan dan penyiasatan

801 Aktiviti keselamatan persendirian
802 Aktiviti perkhidmatan sistem keselamatan
803 Aktiviti penyiasatan

81 Aktiviti perkhidmatan bangunan dan landskap

- 811 Aktiviti sokongan gabungan pelbagai kemudahan
- 812 Aktiviti pembersihan
- 813 Aktiviti perkhidmatan penjagaan dan penyelenggaraan lanskap

82 Aktiviti pengurusan pejabat, sokongan pejabat dan sokongan perniagaan lain

- 821 Aktiviti pengurusan dan sokongan pejabat
- 822 Aktiviti pusat panggilan
- 823 Pengurusan konvensyen dan pameran perdagangan
- 829 Aktiviti perkhidmatan sokongan perniagaan t.t.t.l.

O. PENTADBIRAN AWAM DAN PERTAHANAN; AKTIVITI KESELAMATAN SOSIAL WAJIB**84 Pentadbiran awam dan pertahanan; keselamatan sosial wajib**

- 841 Pentadbiran negeri dan polisi ekonomi dan sosial bagi komuniti
- 842 Penyediaan perkhidmatan kepada komuniti secara keseluruhannya
- 843 Aktiviti keselamatan sosial wajib

P. PENDIDIKAN**85 Pendidikan**

- 851 Pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah
- 852 Pendidikan menengah
- 853 Pendidikan tinggi
- 854 Pendidikan lain
- 855 Perkhidmatan sokongan pendidikan

Q. AKTIVITI KESIHATAN KEMANUSIAAN DAN KERJA SOSIAL**86 Aktiviti kesihatan kemanusiaan**

- 861 Aktiviti hospital
- 862 Aktiviti amalan perubatan dan pergigian
- 869 Aktiviti kesihatan kemanusiaan lain

87 Aktiviti rumah penjagaan

- 871 Kemudahan rumah perawatan
- 872 Aktiviti rumah penjagaan untuk orang terencat akal, kesihatan mental dan penyalahgunaan bahan kimia
- 873 Aktiviti rumah penjagaan untuk orang tua dan orang kurang upaya
- 879 Aktiviti rumah penjagaan lain

88 Aktiviti kerja sosial tanpa penginapan

- 881 Aktiviti kerja sosial tanpa penginapan untuk orang tua dan orang kurang upaya
- 889 Aktiviti kerja sosial lain tanpa penginapan t.t.t.l.

R. KESENIAN, HIBURAN DAN REKREASI**90 Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif**

- 900 Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif

91 Aktiviti perpustakaan, arkib, muzium dan kebudayaan lain

- 910 Aktiviti perpustakaan, arkib, muzium dan kebudayaan lain

92 Aktiviti perjudian dan pertaruhan

- 920 Aktiviti perjudian dan pertaruhan

93 Aktiviti sukan dan aktiviti hiburan dan rekreasi

- 931 Aktiviti sukan
- 932 Aktiviti hiburan dan rekreasi lain

S. AKTIVITI PERKHIDMATAN LAIN**94 Aktiviti keahlian organisasi**

- 941 Aktiviti organisasi keahlian perniagaan, majikan dan profesional
- 942 Aktiviti kesatuan buruh
- 949 Aktiviti keahlian organisasi lain

95 Pembaikan komputer dan barangan persendirian dan isi Rumah

- 951 Pembaikan komputer dan peralatan komunikasi
- 952 Pembaikan barangan persendirian dan isi rumah

96 Aktiviti perkhidmatan persendirian lain

- 960 Aktiviti berkaitan perkhidmatan persendirian lain

T. AKTIVITI ISI RUMAH SEBAGAI MAJIKAN; AKTIVITI MENGELUARKAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN YANG TIDAK DAPAT DIBEZAKAN OLEH ISI RUMAH UNTUK KEGUNAAN SENDIRI**97 Aktiviti isi rumah sebagai majikan bagi personel domestik**

- 970 Aktiviti isi rumah sebagai majikan bagi personel domestik

98 Aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri

- 981 Aktiviti mengeluarkan barangan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri
- 982 Aktiviti menyediakan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri

U. AKTIVITI BADAN DAN PERTUBUHAN LUAR WILAYAH**99 Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah**

- 990 Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah

SOALAM LAZIM (*FREQUENTLY ASKED QUESTIONS, FAQ*)

- 1. Apakah definisi bagi jualan tahunan?**
Jualan tahunan merujuk kepada **jumlah pendapatan** termasuk pendapatan lain.
- 2. Apakah definisi bagi pekerja sepenuh masa?**
Pekerja sepenuh masa merujuk kepada semua pekerja yang bekerja **sekurang-kurang 6 jam sehari dan 20 hari sebulan**; atau sekurang-kurangnya **120 jam sebulan**.
- 3. Bagaimanakah jika sesebuah perniagaan itu hanya dapat memenuhi kriteria jualan tahunan tetapi bukan kriteria pekerja?**
Sesebuah perniagaan hanya perlu memenuhi **salah satu daripada dua kriteria** yang digunakan dalam definisi bagi diklasifikasikan sebagai PKS. Penggunaan istilah "ATAU" bagi definisi PKS memberikan lebih fleksibiliti kepada perniagaan untuk memenuhi definisi tersebut dan seterusnya diklasifikasikan sebagai PKS.
- 4. Mengapa definisi perlu ditukar?**
Definisi yang sedia ada telah mula diguna pakai sejak tahun 2005 dan telah terdapat banyak perubahan dalam ekonomi termasuk inflasi harga, perubahan struktur dan perubahan trend perniagaan. Oleh itu, satu kajian semula telah dijalankan bagi menilai sama ada perubahan kepada definisi perlu dilakukan. Kajian tersebut merumuskan bahawa paras ambang bagi kriteria kelayakan perlu dinaikkan bagi mencerminkan keadaan semasa.
- 5. Apakah yang akan berlaku jika sesebuah perniagaan berada di bawah atau melebihi had paras ambang tertentu?**
Jika sesebuah perniagaan melebihi had paras ambang yang ditetapkan di bawah kedua-dua kriteria kelayakan selama 2 tahun berturut-turut (berdasarkan tahun kewangan / tempoh perakaunan), maka ia tidak lagi dianggap sebagai PKS. Bagi perniagaan yang sebelum ini adalah bersaiz besar juga boleh dianggap sebagai PKS jika ia memenuhi kriteria kelayakan PKS selama 2 tahun berturut-turut.
- 6. Jika sesebuah perniagaan dapat memenuhi kriteria pertama iaitu jualan tahunan bagi perusahaan mikro dan kriteria kedua iaitu bilangan pekerja bagi perusahaan bersaiz kecil, kategori manakah perniagaan tersebut akan diklasifikasikan?**
Dalam kes ini, **kriteria saiz lebih kecil** akan digunakan, iaitu perniagaan tersebut akan dianggap sebagai perusahaan mikro.
- 7. Bagaimanakah jika sebuah firma mempunyai entiti berasingan bagi menjalankan aktiviti jualan dan pemasaran, penyelidikan & pembangunan (*research & development, R&D*), pengedaran dan sebagainya? Adakah setiap entiti tersebut dianggap sebagai PKS berasingan atau berada di bawah satu PKS?**
Ini adalah bergantung kepada bagaimana firma dan entiti tersebut didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Jika mereka didaftarkan sebagai entiti yang berasingan, maka setiap daripada entiti tersebut dianggap sebagai PKS yang berbeza walaupun mereka adalah berkaitan. Walau bagaimanapun, jika entiti tersebut didaftarkan sebagai satu entiti, maka ia merupakan hanya satu PKS.

8. Bolehkah syarikat tersenarai awam diklasifikasikan sebagai PKS?

Syarikat yang disenaraikan di papan utama tidak akan dianggap sebagai PKS. Walau bagaimanapun, syarikat yang disenaraikan di papan kedua (seperti pasaran ACE, pasaran tidak tersenarai atau *SME exchange*) masih dianggap sebagai PKS jika memenuhi kriteria kelayakan.

9. Bolehkah sesebuah organisasi menjana pendapatan seperti persatuan belia, kesatuan sekerja, persatuan pengguna dan sebagainya diklasifikasikan sebagai PKS.

Organisasi tersebut tidak boleh ditakrifkan sebagai PKS kerana mereka bukan entiti perniagaan yang tulen. Entiti ini ditubuhkan bagi tujuan sosio-ekonomi dan tertakhluk di bawah akta pertubuhan yang berlainan (bukan di bawah SSM).

10. Dengan adanya kajian semula definisi, berapa banyak firma yang akan dianggap/dirangkum sebagai PKS dan berapakah jumlah PKS di negara?

Analisis teknikal menunjukkan bahawa tambahan sebanyak 8,100 firma akan dirangkum sebagai PKS, justeru menjadikan jumlah PKS di Malaysia kepada 653,000 atau 98.5% daripada jumlah pertubuhan.